

# UMS, rakan kongsi digesa terus fokus soal nutrisi

DE 05-04-2012 6

## Larry Ralon

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan rakan kongsinya digesa supaya terus memberi fokus kepada soal nutrisi dalam perbincangan mengenai pengeluaran dan keselamatan makanan, untuk membantu kerajaan memastikan setiap rakyat Malaysia, terutamanya kanak-kanak, mempunyai akses kepada makanan yang berkhasiat dan berkualiti.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman yang membuat gesaan itu berkata, ini penting dalam mencapai objektif melahirkan sebuah masyarakat yang sihat, berpengetahuan dan mampu menyumbang terhadap pertumbuhan Malaysia.

"Nutrisi, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak adalah penting. Kerajaan mahu memastikan setiap warganegara, terutamanya kanak-kanak kita, mempunyai akses kepada makanan berkhasiat dan berkualiti untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat, berpengetahuan dan mampu menyumbang terhadap pertumbuhan negara," katanya, ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa mengenai Sains Makanan dan Nutrisi 2012, yang pertama seumpamanya pernah diadakan di Sabah, di sini Isnin.

Sabah berpotensi besar dalam bukan sahaja raketnya tetapi juga penggunaan mapan sumber asli, termasuk bahan makanan yang tumbuh liar yang kebanyakannya masih belum diterokai dunia sains, kata Musa, sambil menambah Kerajaan negeri secara rakan kongsi dengan Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai agensi telah terlibat dalam pelbagai program pembangunan yang relevan bertu-



Musa

juan meningkatkan taraf hidup.

"Dalam usaha tersebut, kita terus bekerjasama rapat dengan para pakar dari UMS dan rakan-rakan mereka dalam penyelidikan hiran dan huluan untuk menghasilkan penyelesaian mapan, peningkatan nilai produk dan pemelbagaian pada penggunaan produk," katanya.

Beliau berkata, penambahan penduduk dunia, perubahan iklim dan meningkatnya risiko kerosakan tanaman akan mempercepatkan lagi krisis makanan global.

"Sekarang ini kita sudah menyaksikan kesan negatif dan konsekuensi tragik kekurangan makanan disebabkan banjir besar atau kemarau di beberapa buah negara. Keselamatan makanan global adalah satu isu yang kompleks yang memerlukan respons segera daripada komuniti antarabangsa," katanya.

Katanya, harga kebanyakan makanan asas telah naik sejak dua tahun lalu, menjejaskan berjuta-juta penduduk miskin di seluruh negara, ditambah dengan laporan Bank Dunia baru-baru ini yang menyebut indeks harga makanan dunia akan naik 15 peratus antara Oktober 2010 dan Januari tahun lalu, iaitu 29 peratus atas parasnya setahun sebelum itu, dan hanya tiga peratus di bawah kemuncaknya pada Jun 2006.

"Sains dan teknologi mengemudi pertumbuhan ekonomi, membasmi kemiskinan dan menggalakkan pembangunan mapan. Saya percaya semya negara harus menimbang strategi yang dapat meningkatkan penyelidikan berasaskan sains serta menggalakkan pembangunan sektor makanan melalui teknologi inovatif baharu," katanya.